## BAHAGIAN A

[60 *markah*]

*Jawab* ***semua*** *soalan di bahagian ini.*

**1** (*a*) Jadual 1 menunjukkan kombinasi pengeluaran bagi dua jenis barang dalam ekonomi.

| **Kombinasi pengeluaran** | **Pakaian (ribu helai)** | **Makanan (tan metrik)** |
|---|---|---|
| A | 0 | 25 |
| B | 5 | 24 |
| C | 10 | 22 |
| D | 15 | 19 |
| E | 20 | 0 |

Jadual 1

(i) Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan di halaman **2**, lukiskan keluk kemungkinan pengeluaran.

[3 *markah*]

(ii) Jelaskan implikasi jika pengeluar memilih kombinasi pengeluaran 7 ribu helai pakaian dan 15 tan metrik makanan.

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[3 *markah*]

Graf untuk soalan **1**(*a*)(i)

(*b*) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi.

| |
|---|
| Kerajaan akan campur tangan jika berlaku ketidakstabilan dan penyelewengan dalam aktiviti ekonomi. |

Bagaimanakah sistem ekonomi tersebut menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

i) Apa yang hendak dikeluarkan ?

............................................................................................................

............................................................................................................

............................................................................................................

............................................................................................................

............................................................................................................

............................................................................................................

............................................................................................................

............................................................................................................

[3 *markah*]

ii) Untuk siapa hendak dikeluarkan

............................................................................................................

............................................................................................................

............................................................................................................

............................................................................................................

............................................................................................................

............................................................................................................

[2 *markah*]

(*c*) Jadual 2 menunjukkan permintaan dan penawaran bagi barang X.

| **Harga (RM)** | **Kuantiti Diminta (unit)** | **Kuantiti Ditawar (unit)** |
|---|---|---|
| 5.20 | 175 | 130 |
| 5.50 | 150 | 150 |
| 5.70 | 125 | 170 |

Jadual 2

Jelaskan keadaan pasaran pada harga RM5.20.

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

[3 *markah*]

(*d*) Rajah 1 menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti diminta suatu barang.




Rajah 1

(i) Hitung nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut.

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan hubungan jumlah hasil dengan permintaan barang apabila harga meningkat dari RM6 ke RM9.

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[4 *markah*]

**2** (*a*) Encik Azman boleh mengeluarkan wang lebih daripada baki simpananya berdasarkan had yang telah ditetapkan oleh bank.

Jelaskan kelebihan yang diperoleh daripada pinjaman tersebut.

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[3 markah]

(*b*) Encik Ali ingin membeli kereta produa AXIA 1.0 SE secara sewa beli untuk kegunaannya berulang alik ke tempat kerja.

Berikut adalah maklumat yang perlu diteliti oleh encik Ali sebelum membuat pembelian.

| | |
|---|---|
| Harga kereta | : RM38 942.89 |
| Bayaran pendahuluan | : 10 % |
| kadar faedah | : 3.0 % setahun |
| Tempoh kreadit | : 9 tahun |

(i) Hitung ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Encik Ali.

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[3 *markah*]

(ii) Mengapa kaedah pembelian di atas dipilih?

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

[4 *markah*]

(*c*) Gambar di bawah menunjukkan dua input yang digunakan dalam proses pengeluaran kek.



Gambar 1



Gambar 2

Bandingkan kedua – dua input tersebut.

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

[5 *markah*]

(*d*) Maklumat berikut berkaitan dengan aspek eksternaliti.

**Empat lagi Seksyen WCE dijangka siap akhir tahun ini**

IPOH: West Coast Expressway Sdn Bhd (WCESB) menyasarkan empat lagi seksyen Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) disiapkan hujung tahun ini.

Ketua Operasi Lebuh Raya WCE, Syed Muhd Naguib Syed Mohd, berkata ia membabitkan Seksyen SKVE, Banting, Assam Jawa dan Taiping Selatan.

Sumber : Ubahsuai bharian.com.my, 10 Julai 2023

Mengapa lebuh raya tersebut perlu dibina?

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

[5 *markah*]

**3** (*a*) Bank Negara menurunkan kadar faedah semasa ekonomi mengalami penganggguran. Jelaskan kesan pendekatan tersebut ke atas :

(i) Pengguna

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[3 *markah*]

(ii) Firma

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[3 *markah*]

(*b*) Maklumat berikut berkaitan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dalam tempoh tiga tahun.

| **Tahun** | **2019** | **2020** | **2021** |
|---|---|---|---|
| **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (RM Bilion)** | 1 424.3 | 1 343.9 | 1 386.7 |

i) Tentukan arah aliran KDNK Malaysia bagi tahun 2019 hingga 2021.

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[2 markah]

ii) Berikan justifikasi perubahan KDNK pada tahun 2019 hingga 2020.

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[3 *markah*]

**Join SPM Study Group**
**https://spmpaper.me/group**

(*c*) Maklumat berikut berkaitan dengan dua sekatan perdagangan antarabangsa.

| **Sekatan A** | **Sekatan B** |
|---|---|
| Malaysia mengenakan cukai sebanyak RM30 ke atas setiap unit mesin pemotong daging yang diimport. | Malaysia mengehadkan kuantiti beras yang diimport sebanyak 10 000 tan sebulan. |

(i) Kenal pasti kedua-dua sekatan antarabangsa tersebut.

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

[2 *markah*]

(ii) Bandingkan antara **sekatan A** dengan **sekatan B**.

(a) Persamaan

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

[2 *markah*]

(b) Perbezaan

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

[2 *markah*]

(*d*) Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika Syarikat (USD).

| **Bulan / Mata Wang** | **USD1.00** |
|---|---|
| Ogos | RM 4.60 |
| September | RM 4.46 |

Puan Siti ingin melancong ke Amerika Syarikat pada bulan September. Wajarkah beliau melancong ke Amerika Syarikat pada masa tersebut? Jelaskan.

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

[3 *markah*]

## Bahagian B

[ **40** *markah* ]

*Jawab mana-mana* **dua** *soalan daripada bahagian ini*

**4** Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kewangan yang dijalankan oleh Bank Negara dalam menjaga kestabilan ekonomi.

**BNM umum OPR naik kepada 3.0 peratus**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan kadar dasar semalaman (OPR) meningkat 25 mata perpuluhan kepada 3 peratus.

Dalam satu kenyataan, bank pusat berkenaan menyatakan kenaikan ini akan menyebabkan kadar siling dan lantai OPR masing-masing kini meningkatkan kepada 3.25 peratus dan 2.75 peratus.

BNM turut memaklumkan kebanyakan bank pusat mengekalkan dasar kewangan yang ketat memandangkan prospek pertumbuhan dalam negeri yang terus berdaya tahan.

Sumber : Ubahsuai astroawani.com, 03 Mei 2023

*(a)* Perubahan OPR yang dijalankan oleh Bank Negara ini dapat menyelesaikan inflasi dalam negara.
Jelaskan. [6 *markah*]

*(b)* Langkah Bank Negara mengubah dasar kewangan negara ini memberi kesan kepada ekonomi negara?
Bincangkan. [9 *markah*]

*(c)* Jelaskan kesan pelaksanaan dasar kewangan ini terhadap permintaan barang dan perkhidmatan. [5 markah]

**5** Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi yang berlaku di Malaysia.

**Subsidi bersasar langkah bertanggungjawab selamatkan ekonomi negara**

SHAH ALAM: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pelaksanaan subsidi bersasar khususnya ke atas RON95 dan diesel adalah langkah bertanggungjawab kerajaan menyelamatkan ekonomi negara walaupun dianggap tidak popular.

Subsidi bersasar adalah untuk memastikan golongan rakyat bawahan yang berpendapatan rendah didahulukan. Wang subsidi perlu disalur tepat kepada sasaran.

Perdana Menteri berkata, langkah itu yang bertujuan mengurangkan tanggungan subsidi negara akan dimulakan dengan diesel, sebelum diikuti beberapa lagi produk bahan api lain.

Sumber : Ubahsuai sinarharian.com.my, 13 Jun 2024

*(a)* Apakah matlamat utama pelaksanaan penyasaran subsidi oleh kerajaan?
[5 *markah*]

*(b)* Jelaskan jenis perbelanjaan tersebut. [6 *markah*]

*(c)* Subsidi bersasar adalah langkah yang tepat untuk membantu untuk mengatasi kenaikan kos sara hidup rakyat berpendapatan rendah.
Setujukah anda dengan kenyataan di atas? Berikan alasan. [9 *markah*]

**6** Maklumat berikut berkaitan dengan isu pekerja asing di Malaysia.

**Kerajaan Perlu Mengurangkan Kebergantungan Pekerja Asing**

CYBERJAYA - Kerajaan diminta untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing dengan melaksanakan beberapa inisiatif termasuk meningkatkan program peningkatan kemahiran dan latihan semula atau 'reskilling and upskilling' pekerja tempatan.

"Selain itu, lambakan pekerja asing di negara ini juga memberi impak kepada ekonomi kerana pengaliran wang yang keluar dari negara ini secara rasmi berjumlah RM34 bilion setahun. Kos berkenaan tidak termasuk pekerja asing datang secara tidak sah dan sebagainya.

Sumber : Ubahsuai sinarharian.com.my, 5 Ogos 2024

*(a)* Mengapakah majikan tempatan cenderung menggaji pekerja asing?
[4 *markah*]

*(b)* Apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan kebolehpasaran pekerja tempatan? [6 *markah*]

*(c)* Ramalkan impak yang akan berlaku terhadap pembangunan dan ekonomi negara berdasarkan tindakan kerajaan di atas.
Jelaskan. [9 *markah*]

**7** Maklumat berikut berkaitan dengan pengumuman kenaikan gaji penjawat awam di Malaysia.

> **Gaji, Kualiti Kerja Penjawat Awam 'Sama-Sama Naik'**
>
> Hari Pekerja tahun ini memberi makna sangat istimewa kepada kira-kira 1.6 juta penjawat awam di seluruh negara. Pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai kenaikan gaji penjawat awam lebih 13 peratus pada Disember ini sememangnya berita gembira yang ditunggu-tunggu mereka.
>
> Seiring dengan kenaikan gaji tersebut, semua penjawat awam harus memastikan perkhidmatan diberikan kepada rakyat juga adalah yang terbaik. Produktiviti, Kemahiran dan kecekapan bekerja mestilah cemerlang, sekaligus dapat mengurangkan aduan serta rungutan rakyat terhadap perkhidmatan sektor kerajaan.
>
> Sumber: Ubahsuai Sinar Harian Online, 3 Mei 2024

*(a)* Jelaskan faktor pengeluaran yang terlibat dalam petikan di atas. [5 *markah*]

*(b)* Mengapakah golongan belia pada masa kini lebih berminat untuk bekerja di sektor awam? [6 *markah*]

*(c)* Tindakan kerajaan tersebut memberi kesan terhadap objektif makroekonomi negara. Bincangkan. [9 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

***RUANG JAWAPAN BAHAGIAN B (SOALAN ESEI)***